

DERAF UCAPAN

YANG DIPERTUA SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-37 / 2011 23 JULAI 2011 (SABTU) IBU PEJABAT MPSP

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat **Tuan Lim Guan Eng**
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Dato' Mansor bin Othman**
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat **Prof Dr. Ramasamy a/l Palanisamy**
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat **Tuan Chow Kon Yeow**
Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas.

Yang Berhormat **Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri**

Yang Berhormat **Ahli-ahli Parlimen & Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri**

Yang Berusaha Tuan Haji Rozali Haji Mohamud, SUP, MPSP

Yang DiHormati Tuan-tuan dan Puan-puan Ahli Majlis MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Dato'-Dato', Rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Assalamualaikum wbth dan salam sejahtera dan selamat pagi

1. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi hadir untuk Sambutan Perayaan hari Majlis yang Ke-37/2011 pada pagi yang mulia ini. Tak lupa juga kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas. Seterusnya Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan semua yang hadir pada hari ini, yang juga dapat meluangkan masa untuk bersama-sama kami bagi Sambutan Perayaan Hari Majlis yang Ke-37/2011.

Yang Amat Berhormat, Y.Bhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Perayaan Hari Majlis MPSP ini disambut pada sepanjang bulan Julai setiap tahun. Hari Majlis pada tahun ini disambut dengan tema "Bulan Meningkatkan Kualiti" dan berbagai acara yang telah dan akan diadakan. Program Hari Majlis dimulakan dengan Majlis Memperbaharui Ikrar oleh kakitangan MPSP Pada 5 Julai 2011 yang lalu dimana setiap kakitangan berjanji untuk memperbaiki kualiti dan mutu perkhidmatan.

3. Selain daripada itu, program hari ini, ialah acara Sukan, Pameran, Pelancaran "*Balance Score Card*", Program *Taman bersih*, *CCTV dan Sistem Tempahan Gotong-Royong Online*, Anugerah Kaizen, Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan, Pengurangan Tawaran Kompaun RM15, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak & Tayangan Filem, Pameran MPSP & LA 21, Gerai Jualan Makanan dan Promosi Barangan, Program Berbasikal, Pertandingan Futsal, Larian Tangga MPSP dan sebagainya. Program-program yang dirancang ini juga adalah untuk memberi peluang kepada penduduk warga Seberang Perai melibatkan diri secara langsung dengan program Majlis.

Kedua program Cleaner & Greener @ Bukit Minyak yang dijalankan pada 10 Julai 2011 dengan usahasama UKT, MPSP, FMM, PDC, JMTI dan semua warga SP. Untuk makluman YAB lebih kurang 1,500 orang telah mengambil bahagian dalam program ini. MPSP juga dengan sokongan YB Tuan Chow Kon Yeow telah melancarkan program Buku Anugerah Pelajar Hijau Cemerlang dibawah program LA21 di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth untuk melibatkan generasi muda (anak-anak kita dalam mendidik mengenai kebersihan dan "hijau". Program gotong royong dan ranjer Kualiti

Alam Sekitar juga telah di jalankan di beberapa kawasan di SPU, SPT dan SPS.

4. **Pelancaran Balance Score Card dan Taman Bersih**

Sempena Sambutan Hari Majlis MPSP yang ke-37/2011, dokumentasi ***Balance ScoreCard*** akan dilancarkan sebentar nanti dan diedarkan kepada warga MPSP sebagai panduan serta rujukan bagi memastikan strategi yang telah dirancang dilaksanakan melalui pelan tindakan yang telah ditetapkan, di mana ianya dibahagikan kepada aktiviti-aktiviti jabatan MPSP yang saling berkait. Pengukuran berdasarkan KPI (Indeks Petunjuk Prestasi) yang telah dimuktamadkan dan diukur untuk memastikan keberkesanan aktiviti agar ianya dilaksanakan searah dan selari dengan halatuju MPSP.

MPSP sentiasa terus berusaha dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sistem kerja yang berkualiti dan efisien diharap berupaya meningkatkan keyakinan para ***Stakeholders*** ke atas MPSP dan mampu menarik lebih banyak pelaburan di Seberang Perai.

Pelancaran Taman Bersih diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pembersihan melalui penglibatan komuniti atau '*Community Engagement*'

Objektif khusus :

- i) Menjadikan kontraktor yang dilantik oleh MPSP menjadi lebih proaktif dan bertanggungjawab bagi memberi perkhidmatan yang lebih efisien
- ii) Meningkatkan integriti pegawai-pegawai MPSP terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat.
- iii) Menggalakkan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti yang dilaksanakan untuk kebaikan bersama.
- iv) Membentuk satu kerjasama erat di antara MPSP, kontraktor dan masyarakat bagi meningkatkan kebersihan di dalam sesuatu kejuranan.
- v) Melestarikan kehidupan berkualiti dipersekitaran yang bersih dan teratur.
- vi) Mengawal dan mengelak kejadian penyakit-penyakit yang berhubungkait dengan persekitaran yang tidak sihat.

Pengiktirafan Taman Perumahan Bersih akan diberikan kepada taman perumahan yang mendapat markah 80 ke atas. Manakala tempoh sah sesuatu pengiktirafan adalah selama 6 bulan (2 kali setahun). Sehubungan dengan itu, MPSP akan menganjurkan pertemuan dengan semua JKKK/ RA / RT dan kontraktor pembersihan bagi memberikan maklumat lebih lanjut mengenai program ini. Selain itu, 3 jawatankuasa penilaian dibentuk mengikut daerah dan dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha bagi tujuan penilaian. Bagi melayakkan sesuatu taman mendapat pengiktirafan beberapa aspek akan dinilai dan sijil penghargaan akan diberikan kepada :

- i. Taman yang memenuhi kriteria
- ii. Kontraktor bagi taman yang bersih
- iii. Pembantu Kesihatan Awam (PKA) kawasan

Pelancaran CCTV

Untuk makluman semua, KPKT telah memberi CCTV sebanyak 24 unit dimana ianya telah ditempatkan 8 unit di SPU, 12 unit di SPT dan 4 unit di SPS di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan hotspot jenayah. Bilik kawalannya ditempatkan di IPD setiap daerah dan juga di MPSP (bilik kawalan semua). Selain daripada fokus jenayah, MPSP juga boleh memantau dari segi vandalism, halangan dan lalulintas.

Sistem Gotong-Royong Online

Mengikut rekod MPSP, bermula dari Januari 2011 sehingga Jun 2011 kita menerima sebanyak **226** permohonan Gotong-Royong. Dengan adanya Sistem Gotong-Royong Online ini diharapkan akan lebih banyak permohonan yang MPSP terima selepas ini. Ini merupakan galakan kepada orang ramai untuk mengadakan lebih banyak gotong-royong dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran kebersihan persekitaran. Orang ramai boleh mencapai Sistem Gotong Royong Online ini melalui laman web mpasp iaitu www.mpsp.gov.my. Maklumbalas permohonan Gotong Royong Online akan dibuat melalui email atau semakan status kelulusan permohonan boleh dibuat dilaman web tersebut.

Sebentar nanti kita akan menyaksikan beberapa simbolik pelancaran yang akan disempurnakan oleh Y.A.B Ketua Menteri sebagai tanda MPSP akan menjalankan program atau aktiviti tersebut selepas ini dan tahun 2012

5. PERTANDINGAN ZON TERBAIK QE/5S

Bagi merealisasikan hasrat ini, tahun 2011 dijadikan sebagai Tahun Mengukuhkan Kualiti dan Inovasi berteraskan kepada iltizam untuk Membangunkan Keupayaan. Budaya kualiti diterapkan di kalangan semua kakitangan MPSP melalui beberapa program kualiti yang telah

dilaksanakan sebelum ini, termasuklah pelaksanaan QE, iaitu Amalan Persekitaran Berkualiti. Keadaan persekitaran kerja yang selesa dan teratur akan memudahkan pengesanan maklumat dan fail yang akan mempercepatkan proses kerja setiap kakitangan. Justeru, untuk meningkatkan motivasi serta semangat kerja berkumpulan di kalangan kakitangan, MPSP mengadakan pertandingan Zon Terbaik amalan QE bagi menobatkan jabatan yang didapati mempunyai amalan QE yang cemerlang. Zon terbaik akan menerima piala pusingan yang akan ditempatkan di jabatan berkenaan.

6. KAIZEN

Merupakan istilah dari Jepun yang bermaksud penambahbaikan berterusan . Dengan konsep terbuka bahawa idea penambahbaikan boleh dikemukakan oleh sesiapa sahaja dalam organisasi dari pegawai atasan hinggalah kakitangan bawahan. Ianya bagi menggalakkan sumbangan kreatif oleh kakitangan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti disamping menjimatkan kos . Ia juga berdasarkan pandangan 'Hari esok perlu lebih baik dari hari ini dan hari ini perlu lebih baik dari semalam'. Penambahbaikan dibuat dalam bentuk yang kecil tetapi mempunyai impak yang besar kepada organisasi. Pada tahun ini MPSP akan memberikan anugerah KAIZEN

kepada kakitangan yang telah memberikan sumbangan idea kreatif yang telah mendatangkan impak kepada MPSP. Mereka yang terlibat akan diberikan Sijil Penghargaan dan cenderahati. Ini juga adalah salah satu bentuk penghargaan Majlis terhadap kakitangan yang berdedikasi.

7. Penyampaian Pelekat Kenderaan Percuma OKU

Mengikut maklumat yang diperolehi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat anggaran golongan OKU yang berdaftar di Pulau Pinang ialah sebanyak **19, 629 orang**. Walau bagaimanapun kita hanya menerima sebanyak 23 permohonan pelekat kenderaan percuma OKU. Saya percaya di luar sana ada golongan OKU yang masih belum tahu bahawa MPSP ada menyediakan Pelekat Kenderaan Percuma OKU untuk penduduk Seberang Perai. Pada 25 – 26 Jun yang lalu, MPSP telah berjaya menganjurkan **Lab Kesedaran keperluan OKU**. Golongan sasaran kita terdiri daripada para arkitek, jurutera, juruperunding, pelukis pelan dan pegawai yang terlibat dengan urusan pembinaan bangunan dan kemudahan lain. Hasil daripada lab tersebut, kita akan jadikan panduan kepada MPSP dalam apa jua penyediaan kemudahan dan kita akan mengambil kira aspek

OKU. Saya berjanji kita tidak akan meminggirkan keperluan OKU. Selepas ini kita akan menyampaikan pelekat kenderaan percuma OKU kepada 5 orang pemohon OKU.

8. Bagi program **Derma Darah & Pemeriksaan Kesihatan**, MPSP telah menjemput Kementerian Kesihatan Malaysia (Unit Tabung Darah, Hospital Bukit Mertajam) untuk bersama-sama dengan kita meraikan sambutan perayaan Hari Majlis ini. Pemeriksaan Kesihatan dan derma darah ini terbuka kepada orang ramai dan kita memberikan perkhidmatan ini secara PERCUMA. Pemeriksaan kesihatan yang dilakukan ialah Indeks Jisim Badan (BMI) dan pemeriksaan Payudara. Jadi saya menyeru kepada semua, rebutlah peluang untuk pemeriksaan kesihatan secara percuma ini.

Bagi Program berbasikal, untuk makluman YAB kita telah mendapat sambutan hangat iaitu 500 penyertaan. Walau bagaimanapun kita terpaksa menghadkan penyertaan mengikut kemampuan kita. Saya berharap dilain masa kita akan dapat mengadakan program-program sebegini lagi yang mana mendapat sambutan hangat daripada orang ramai. Saya dan Tuan SUP telah turut serta berbasikal bersama dengan warga Seberang Perai pagi ini. Bagi acara-acara lain pula,

kita mengharapkan sokongan dan kerjasama orang ramai untuk menyertainya.

9. Yang Amat Berhormat, Y.Bhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya berharap warga MPSP akan lebih bersemangat waja untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan sokongan dari semua pihak. Dengan itu program Hari Majlis ini akan membantu kami untuk berkomunikasi dan mendekati masyarakat Seberang Perai dan semua "**Stakeholders**".

Saya bagi pihak Warga MPSP mengucapkan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan dif-dif jemputan yang dapat hadir pada pagi ini.

10. Dengan ini, saya sudahi dengan ucapan terima kasih dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.